

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN KAMAR KHAS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

Ucapan : Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]
Tajuk : Krisis Air di Tawau, Sabah
Ucapan
Tarikh : 3 April 2019 (Rabu)
Ucapan
Kementerian : Kementerian Air, Tanah Dan Sumber Asli

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas memberi peluang berucap dalam kamar khas ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Di sini saya ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini tentang krisis air yang tidak lama akan berlaku di Tawau, Sabah.

Pada dua hari yang lalu, saya menerima rayuan dari comrat saya dari bahagian Tawau untuk membawa isu yang sangat penting ini ke Parlimen dengan tujuan untuk mendapat pertolongan daripada kerajaan persekutuan bagi menyelesaikan masalah pembekalan air yang kekurangan ini.

Mengikut laporan yang diberikan oleh pihak Jabatan Air, paras air di Sungai Tawau sekarang adalah berada dalam tahap kritikal, kononnya pembendungan air sungai hanya mencapai 0.67m sahaja.

Perkara ini amatlah mengejutkan dan mengerikan saya oleh kerana pembekalan air di Tawau bergantung banyak kepada air dari Sungai Tawau.

Di samping itu, saya juga ingin membangkitkan isu pembinaan empangan pelbagai guna "Cinta Mata Dam" di Jalan Gudang Empat di Tawau. Empangan tersebut yang dianggar berharga RM450 juta tertakluk dalam skim bekalan air Tawau Fasa 3 dan didakwa mampu menyimpan 30,000 juta liter air mentah selepas disiapkan.

Projek ini sebenarnya telah diluluskan pada zaman kerajaan dahulu pada tahun 2017. Kerja pembinaan telah bermula pada Januari 2018 dan dijadualkan untuk siap pada tahun 2021.

Tapi malangnya projek tersebut pun dihentikan ekoran penukaran pentadbiran yang baru di peringkat persekutuan dan Sabah.

Sekiranya empangan tersebut dibina, maka ianya boleh, antara lain, memberikan keseimbangan dan kesinambungan bekalan air kepada Cinta

Mata Water Treatment Plant (LRA) dan LRA Utara yang terjejas oleh Sungai Tawau yang sentiasa menghadapi masalah kualiti air dan kuantiti air, sekaligus menjejaskan bekalan air kepada penduduk Tawau. Selain itu, empangan yang akan dibina berhampiran Taman Bukit Tawau itu juga dapat merangsang aktiviti ekonomi seperti ekopelancongan di daerah Tawau. Tambahan pula, projek ini juga boleh mengurangkan banjir di perbandaran Tawau dan kampung berdekatan.

Saya difahamkan projek tersebut yang dilaksanakan oleh Jabatan Air Sabah dibiayai oleh pinjaman daripada kerajaan persekutuan.

Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya status dana pinjaman yang telah pun diluluskan oleh kerajaan persekutuan bagi projek berkenaan? Adakah pembinaan empangan Cinta Mata akan diteruskan, dan sekiranya tidak, bagaimanakah dana yang diluluskan akan diguna pakai bagi menyelesaikan masalah air di Tawau.

Saya merayu agar kerajaan boleh campur tangan dalam perkara ini dan mencari satu quick fix solution bagi menyelesaikan krisis air yang sungguh tidak dialu-alukan dalam musim kemarau. Saya berharap kerajaan persekutuan bagi membantu dalam mengelakkan bekalan air di Tawau daripada terputus.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan satu (1) projek di bawah *Rolling Plan 1* hingga *Rolling Plan 3* (RP1-RP3) Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMKe-10) iaitu Skim Bekalan Air Tawau Fasa III: Rekabentuk dan Pembinaan Empangan Air di bawah pembiayaan Pinjaman Mudah Persekutuan. Projek ini diperlukan bagi penyelesaian jangka panjang bagi mengatasi masalah kuantiti dan kualiti sumber air mentah di Sungai Tawau dengan pembinaan sebuah empangan air yang boleh menampung keperluan air mentah sehingga tahun 2030. Empangan ini juga berfungsi sebagai tebatan banjir bagi menyelesaikan masalah banjir di Bandar Tawau.

2. Pelaksanaan projek ini sepenuhnya dikendalikan oleh Kerajaan Negeri Sabah melalui Jabatan Air Negeri Sabah (JANS). Projek ini telah dimulakan pembinaan pada 26 Disember 2017 dan dijangka siap pada Disember 2020. Walaubagaimanapun, kemajuan fizikal projek ini adalah tidak memuaskan. Sehingga 26 Julai 2018, projek ini telah lewat jadual sebanyak -4.55%, di mana kemajuan sebenar hanya 0.15% berbanding jadual 4.70%. Atas faktor ini, Pegawai Penguasa Projek iaitu JANS telah

mengeluarkan Surat Penamatan Kontrak kepada pihak Kontraktor di bawah Klausula 52 (*Termination On National Interest*).

3. Oleh yang demikian, satu mesyuarat penyelarasan semula projek diantara pihak Kerajaan Negeri dan Kontraktor telah diadakan pada 27 Mac 2019, dan Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk menyambung semula pembinaan projek ini kepada kontraktor sedia ada. Projek ini dijangka akan bermula dalam masa terdekat dan dijangka siap pada tahun 2023.

Sekian, terima kasih.